JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH
Wisma Kewangan
Jalan Tunku Abdul Rahman
Beg Berkunci No. 2058
88595 Kota Kinabalu
Sabah, Malaysia

Tel.: 088-272000 Faks: 088-212655 E-mel: bn.jbn@sabah.gov.my

Bil. JBNS: **(A) 100-4/3316/Jld.3 (28)**

Tarikh : **28 Disember 2015**

Setiausaha Kerajaan Negeri

Setiausaha Dewan Undangan Negeri

Semua Setiausaha Tetap Kementerian

Semua Ketua Jabatan

PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH BILANGAN 11 TAHUN 2015
PERATURAN PEMBAYARAN PEMBERIAN KHAS TAHUN 2015

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk menetapkan peraturan pembayaran Pemberian Khas Tahun 2015.

2. LATARBELAKANG

Peraturan pembayaran ini adalah selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil. 15/2015 bertarikh 14 Disember 2015. Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama dengan pekeliling PPNS Bil. 15/2015 tersebut yang boleh didapati melalui laman sesawang Kerajaan Negeri Sabah http://www.sabah.gov.my/ecircular.

3. KAEDAH PEMBAYARAN

3.1 Jabatan ini akan membuat pembayaran secara automatik kepada semua pegawai Perkhidmatan Awam Negeri yang aktif dibayar gaji melalui Sistem Gaji Pusat (SGP) termasuk Jabatan Mengakaun Sendiri (JMS) serentak dengan gaji bulan Januari 2016 dengan syarat pegawai tersebut mempunyai rekod bayaran gaji dalam Sistem Gaji Pusat pada tahun 2015.

3.2 Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri yang tidak aktif dibayar gaji melalui SGP pada bulan Januari 2016 tetapi layak dibayar Pemberian Khas 2015, pembayaran boleh dibuat melalui Sistem Baucar Berasingan (SBB). Baucar bayaran hendaklah disediakan oleh pejabat dimana pegawai sedang berkhidmat atau pejabat terakhir pegawai bertugas dan boleh dihantar ke pejabat pembayar yang berkenaan mulai 14 Januari 2016.

2/...

4. KOD BAYARAN / POTONGAN

4.1 Kod bayaran / potongan adalah seperti berikut:-

KOD OBJEK	KOD SISTEM E-PAY	SINGKATAN	PERIHAL
15106	403	BKHAS2015	BAYARAN KHAS
29306	404	BKHAS2015	BAYARAN KHAS VOT TERBUKA
15106	767	BLKBKHAS	KUTIPAN BALIK BAYARAN KHAS
29306	768	BLKBKHAST	KUTIPAN BALIK BAYARAN KHAS VOT TERBUKA
15106	698	T.BKHAS	TUNGGAKAN BAYARAN KHAS
29306	699	T.BKHAST	TUNGGAKAN BAYARAN KHAS VOT TERBUKA

5. TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

5.1 Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri akan mengeluarkan satu laporan senarai nama penerima bayaran Pemberian Khas 2015 kepada setiap Kementerian/Jabatan untuk rujukan dan tindakan masing-masing. Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab untuk menyemak dengan teliti laporan tersebut dan memastikan bayaran Pemberian Khas kepada setiap anggota masing-masing adalah teratur.

5.2 Jika berlaku tersalah bayaran, pelarasan hendaklah dibuat melalui Sistem e-Pay A3 dan dihantar bersama input gaji bulan Mac 2016.

5.3 Ketua Jabatan selaku pegawai pengawal adalah bertanggungjawab untuk memastikan baki peruntukan dalam vot berkenaan adalah mencukupi untuk pembayaran Pemberian Khas ini. Jika peruntukan tidak mencukupi, pegawai pengawal adalah bertanggungjawab untuk memohon viremen atau peruntukan tambahan (ASP) mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan.

3/...

6. PENUTUP

Sebarang kemusykilan dalam pelaksanaan pekeliling ini hendaklah ditujukan kepada Seksyen Gaji dan Pencen, Jabatan Bendahari Negeri melalui telefon 088-272000, 088-255628 untuk mendapatkan penjelasan lanjut.

Sekian, terima kasih.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH "

(CHUI NGET NGO)
Bendahari Negeri

JL/ACA/jet

s.k Pengarah
Jabatan Kerja Raya
Jalan Sembulan
Peti Surat 128
88592 KOTA KINABALU

(u.p. Ketua Akauntan)

s.k. Pengarah
Jabatan Pertanian Sabah
Wisma Pertanian
Beg Berkunci 2060
88632 KOTA KINABALU

(u.p. Ketua Akauntan)

s.k. Pengarah
Jabatan Perhutanan Sabah
Beg Berkunci 68
90009 SANDAKAN

(u.p. Ketua Akauntan)

s.k. Pengarah
Jabatan Tanah dan Ukur
Beg Berkunci 2044
88576 KOTA KINABALU

(u.p. Ketua Akauntan)

4/...

s.k. Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri
Tingkat 1, Blok A
Wisma Kewangan
88999 KOTA KINABALU

(u.p. Puan Hajah Kamariah Abas / Encik David Augustine /
Encik Yazid Yuzairie Bin Yunos / Puan Rafidah Binti Ali Hassan)

s.k. **Semua Bendahari Daerah**